DALAM PERKARA RASIDAH IBRAHIM; EX P ALLIANCE BANK MALAYSIA BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KANG HWEE GEE H
[KEBANKRAPAN NO: D8-29-2978-2001]
17 JULAI 2008

BANKRAPSI: *Pelepasan - Pelepasan penghutang penghakiman - Rayuan terhadap keputusan - Sama ada penolong kanan pendaftar membuat keputusan yang betul dengan mempertimbangkan kes di bawah s. 33(3) Akta Kebankrapan 1967 - Sama ada Jabatan Insolvensi dikehendaki mengendalikan siasatan yang terperinci - Sama ada adil untuk si bankrap dilepaskan daripada kebankrapan dengan syarat- syarat tertentu*

Ini adalah rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang memerintahkan pelepasan penghutang penghakiman tertakluk kepada syarat-syarat berikut (a) si bankrap hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah Insolvensi wang berjumlah RM350 setiap bulan bermula Jun 2008 sehingga Jun 2018 dan (b) si bankrap hendaklah memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap enam bulan kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia. Menurut pemiutang penghakiman, kelewatan responden (penghutang penghakiman) dalam memfailkan pernyataan hal ehwal adalah satu kesalahan di bawah s. 16(2)(b) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut') yang mewajibkan beliau memfailkan pernyataan hal ehwal beliau dalam tempoh 21 hari. Seterusnya, pemiutang penghakiman menyatakan bahawa permohonan penghutang penghakiman hendaklah dikendalikan di bawah s. 33(4) Akta tersebut. Menurut pemiutang penghakiman lagi, pihak Jabatan Insolvensi tidak menjalankan siasatan discovery yang terperinci berkenaan dengan penzahiran harta penghutang penghakimannya dan estet penghutang penghakiman yang berjaya dikumpulkan oleh Jabatan Insolvensi adalah cuma 4.18% daripada hutang penghutang penghakiman sejumlah RM408,808.38 iaitu jauh kurang daripada 50% yang ditetapkan di bawah s. 33(4) yang perlu diambilkira oleh Penolong Kanan Pendaftar apabila membuat keputusan. Menurut Jabatan Insolvensi pula (i) mereka berpuas hati dengan alasan yang diberi oleh penghutang penghakiman bahawa beliau tidak tahu tentang kebankrapan ini dan cuma mengetahuinya dari pihak imigresen dan sebaik sahaja beliau mengetahuinya beliau terus ke Jabatan Insolvensi untuk melaporkan diri, oleh itu pihak Jabatan

A Insolvensi tidak mengambil kelewatan ini sebagai satu kesalahan dan (ii) dividen yang perlu dibayar oleh penghutang penghakiman di bawah s. 33(3) tidak menghadkan penghutang penghakiman untuk membayar dividen sehingga 50%.

B **Diputuskan (menolak rayuan pemiutang penghakiman):**

(1) Penolong Kanan Pendaftar telah membuat keputusan yang betul dengan mempertimbangkan kes ini di bawah s. 33(3). Penghutang penghakiman tidak akan dianggap sebagai ada melakukan sebarang kesalahan di bawah undang-undang kebankrapan jika beliau tidak dituduh dan disabitkan dan oleh itu tidak boleh dipertimbangkan di bawah s. 33(4). (perenggan 5)

(2) Pihak Jabatan Insolvensi bebas untuk menerima pernyataan asset penghutang penghakiman sebagai benar dan betul kecuali ada sebab penghutang penghakiman disyaki gagal mendedahkan semua asset atau pendapatan beliau di mana pihak Jabatan Insolvensi akan dikehendaki mengendalikan siasatan yang terperinci. (perenggan 6)

(3) Umur penghutang penghakiman sekarang sudah mencapai warga emas dan tidak lagi boleh dianggap berkemampuan meningkatkan atau membaiki sumber pendapatan beliau. Beliau tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain melainkan daripada sumber pencen suami yang kecil. Seorang bankrap tidak sepatutnya diikatkan dalam kebankrapan selama-lamanya sehingga dapat menjelaskan hutangnya dengan penuh. Adalah adil beliau dilepaskan daripada kebankrapan dengan syarat seperti keputusan Penolong Kanan Pendaftar. (perenggan 6)

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 16(2)(b), 33(3), (4), (10)

Penghutang penghakiman hadir sendiri
Bagi pihak pemiutang penghakiman - Che Abdullah; T/n Ong & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Kang Hwee Gee H:

This Is My Oral Judgment: ***(ex-tempore)***

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang memerintahkan pelepasan penghutang penghakiman tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

(a) Si Bankrap hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah Insolvensi wang berjumlah RM350-00 setiap bulan bermula Jun 2008 sehingga Jun 2018;

(b) Si Bankrap hendaklah memfailkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan setiap enam (6) bulan kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

[2] Encik Che Abdullah untuk pemiutang penghakiman

i. Kelewatan responden (penghutang penghakiman) dalam memfailkan pernyataan hal ehwal adalah satu kesalahan di bawah s. 16(2)(b) Akta Kebankrapan 1967 yang mewajibkan beliau memfailkan pernyataan hal ehwal beliau dalam tempoh 21 hari. Ini bermakna permohonan penghutang penghakiman hendaklah dikendalikan di bawah s. 33(4) di mana kuasa mahkamah adalah terhad kepada yang ditetapkan di bawah s. 33(4) yang berbunyi:

(4) In all cases where it is proved to the satisfaction of the court that the bankrupt has committed any offence under this Act or under any written law repealed by this Act or under section 421, 422, 423 or 424 of the Penal Code the court shall unless for special reasons it otherwise determines either refuse the discharge or suspend the operation of the order until a dividend of not less than fifty per centum has been paid to the creditors, and on proof of any of the facts mentioned in subsection (6) the court shall either –

(a) refuse the order; or

(b) suspend the operation of the order for a specified time; or

(c) suspend the operation of the order until a dividend of not less than fifty per centum has been paid to the creditors; or

A (d) grant an order of discharge subject to such conditions as aforesaid.

The powers of suspending and attaching conditions to a bankrupt's discharge may be exercised concurrently.

B ii. Laporan Jabatan Insolvensi kurang lengkap dan tidak terperinci kerana hanya dinyatakan tiada sebarang aset dikemukakan kepada Jabatan Insolvensi.

iii. Pihak Jabatan Insolvensi tidak menjalankan siasatan discovery
C yang terperinci berkenaan dengan penzahiran harta penghutang penghakimannya.

iv. Estet penghutang penghakiman yang berjaya dikumpulkan oleh Jabatan Insolvensi adalah cuma 4.18% daripada hutang
D penghutang penghakiman sejumlah RM408,808.38. Ini jauh kurang daripada 50% yang ditetapkan di bawah s. 33(4) yang perlu diambil kira oleh Penolong Kanan Pendaftar apabila membuat keputusan.

[3] Puan Syarifah Noraini untuk Jabatan Insolvensi

E i. Saya telah menyediakan laporan Ketua Pengarah Insolvensi untuk permohonan pelepasan penghutang penghakiman seperti yang dikehendaki oleh mahkamah.

F ii. Pada ringkasnya pemiutang penghakiman adalah merupakan pemiutang penghakiman yang tunggal dalam kebankrapan ini.

iii. Hutangnya sebanyak RM408,808.38 adalah merupakan hutang terhadap Syarikat Qurra Edar Sdn Bhd di mana penghutang penghakiman adalah penjamin dalam hutang ini di samping
G penjamin-penjamin yang lain yang turut juga dijatuhkan perintah kebankrapan untuk hutang yang sama. Beliau adalah salah seorang pengarah dalam syarikat tersebut di antara tiga yang lain iaitu Mubarak Ali bin Mohd Ibrahim, YB Datuk Zainal Abidin Abd Kadir dan Kamariah bte Zakaria.

H iv. Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (RO and AO) telah dijatuhkan pada 11 Ogos 2003.

v. Penghutang penghakiman sekarang berusia 55 tahun, seorang
I suri rumah-tangga yang tidak mempunyai pendapatan sendiri dan ditanggung oleh suami, seorang bekas Ahli Parlimen yang

sekarang cuma menerima pencen sebagai bekas Ahli Parlimen sebanyak RM3,000 sebulan dan tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain.

vi. Pihak Jabatan Insolvensi Malaysia berpuas hati dengan alasan yang diberi oleh penghutang penghakiman bahawa beliau tidak tahu tentang kebankrapan ini dan cuma mengetahuinya dari pihak Imigresen dan sebaik sahaja beliau mengetahuinya beliau terus ke Jabatan Insolvensi untuk melaporkan diri. Oleh demikian pihak Jabatan Insolvensi tidak mengambil kelewatan ini sebagai satu kesalahan.

vii. Jabatan Insolvensi juga ambil kira atas jumlah wang yang dikumpul dalam kes-kes yang lain di mana bankrap-bankrap telah mendapat pelepasan bersyarat seperti Kes Kebankrapan No. 2977-2001 yang telah mendapat pelepasan bersyarat pada 15 Februari 2008 dengan syarat-syarat:

i) membayar RM350 sebulan mulai Februari 2008 sehingga Mac 2027 iaitu sehingga penghutang penghakiman berumur 65 tahun. Jika bayaran gagal perintah-perintah pelepasan terbatal;

ii) memfailkan penyata enam bulan kepada Ketua Pengarah Insolvensi;

iii) Seksyen 33(10) dimasukkan terhadap penghutang penghakiman.

Kes Kebankrapan No. 2976-2001 telah dapat pelepasan pada 10 April 2008 dengan syarat membayar RM1,000 sebulan mulai Mei 2008 sehingga Mei 2011.

Jika mengambil kira atas bayaran-bayaran yang telah dan akan dibuat sebagai mewakili perintah Mahkamah Yang Mulia ini jumlah yang dikumpul ini melebihi daripada 50% daripada jumlah tuntutan yang diperakui. Walaubagaimana pun dividen yang perlu dibayar oleh penghutang penghakiman di bawah s. 33(3) tidak menghadkan penghutang penghakiman untuk membayar dividen sehingga 50%.

[4] Jawapan Oleh Encik Che Abdullah

A i. Kes-kes yang disebut oleh pihak Jabatan Insolvensi boleh dibezakan oleh kerana kes-kes tersebut adalah terhadap dua penjamin yang lain dalam penghakiman yang sama tetapi tidak melibatkan pembayaran yang dibuat oleh penghutang penghakiman.

B ii. Kes-kes tersebut juga telah dirayu oleh pemiutang penghakiman.

Keputusan

[5] Penolong Kanan Pendaftar telah membuat keputusan yang C betul dengan mempertimbangkan kes ini di bawah s. 33(3). Penghutang penghakiman tidak akan dianggap sebagai ada melakukan sebarang kesalahan di bawah undang-undang kebankrapan jika beliau tidak dituduh dan disabitkan dan oleh itu tidak boleh dipertimbangkan di bawah s. 33(4).

D **[6]** Pihak Jabatan Insolvensi bebas untuk menerima pernyataan aset penghutang penghakiman sebagai benar dan betul kecuali ada sebab penghutang penghakiman disyaki gagal mendedahkan semua aset atau pendapatan beliau di mana pihak Jabatan Insolvensi akan E dikehendaki mengendalikan siasatan yang terperinci.

Memandangkan:

i) umur penghutang penghakiman sekarang sudah mencapai warga emas dan tidak lagi boleh dianggap berkemampuan F meningkatkan atau membaiki sumber pendapatan beliau;

ii) beliau tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain melainkan daripada sumber pencen suami yang kecil.

G iii) seorang bankrap tidak sepatutnya diikatkan dalam kebankrapan selama-lamanya sehingga dapat menjelaskan hutangnya dengan penuh,

adalah adil beliau dilepaskan daripada kebankrapan dengan syarat seperti keputusan Penolong Kanan Pendaftar. Rayuan pemiutang H penghakiman patut ditolak dengan kos.

I